

Kakitangan UMSKAL perlu sihat dan cergas

NST 25.3.2018 5

LABUAN: Kakitangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) perlu sentiasa sihat, cergas dan cerdas.

Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL, Zamri Haji Mohamad Tuah berharap dengan memiliki kesihatan yang baik akan memudahkan mereka menjalankan urusan harian dengan berkesan.

“Sekurang-kurangnya seminggu sekali, kakitangan perlu mengikuti aktiviti riadah dan sukan yang mampu melahirkan individu yang sihat, cergas dan cerdas,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengetua pasukan Sektor Pentadbiran mengadakan perlawanannya bola tampar persahabatan menentang pasukan Sektor Kewangan di Gelanggang UMSKAL, Khamis lalu.

Pasukan Sektor Kewangan diketuai Penolong Bendahari, Mohammad Anwar Abdullah mewakili Penolong Bendahari Kanan, Mohd. Nazir Ab. Manan.

Zamri berkata menerusi aktiviti itu juga dapat mengeratkan hubungan baik yang sedia terjalin antara kedua-dua pihak.

“Kita akan mengadakan lebih banyak program bagi mengukuhkan hubungan baik antara kakitangan UMS Labuan,” katanya. -

OLEH JAINUDIN DJIMIN



ZAMRI (berdiri kiri) bersama pemain pasukan Pentadbiran dan Kewangan pada perlawanannya bola tampar persahabatan Khamis lalu.